

MYMEDIKAD PENJAWAT AWAM

Takaful Hospital dan Pembedahan Berkelompok

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai MyMediKad Penjawat Awam. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat kontrak sijil.)

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Ini adalah Sijil Takaful Hospital & Pembedahan Berkelompok yang merangkumi kos rawatan perubatan bagi perbelanjaan pembedahan untuk dimasukkan ke hospital kerana kemalangan atau penyakit.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- **Takaful:** Ia bermaksud satu konsep saling membantu antara peserta Takaful yang bersetuju untuk memberi caruman kepada Dana Takaful Am (DTA) yang sama untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar kepada peserta Takaful atau penerima manfaat mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.
- **Wakalah:** Ia bermaksud konsep Syariah di mana ejen akan dilantik bagi menjalankan dan menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, ia bermakna Kami, Zurich General Takaful Malaysia Berhad, dilantik sebagai pengurus untuk menguruskan urusan Takaful bagi pihak Peserta dengan caj Yuran Wakalah yang telah dipersetujui.
- **Tabarru':** Ia bermaksud caruman dan dalam Takaful ia bermakna jumlah wang yang dicarumkan oleh peserta ke DTA secara sukarela bagi tujuan kerjasama dalam kalangan peserta. Ia akan digunakan untuk membantu peserta-peserta yang ditimpa musibah.
- **Hibah:** Ia bermaksud kontrak hadiah yang diguna pakai dalam pengagihan lebihan. Sekiranya terdapat pengagihan lebihan yang diisytiharkan daripada DTA pada akhir tahun kewangan, 50% daripada lebihan akan dikongsi dengan Peserta yang layak berdasarkan kontrak Hibah.
- **Ju'alah:** Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan DTA di mana pengendali Takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian lebihan DTA pada akhir setiap tahun kewangan.
- **Qard:** Ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh pengendali takaful jika berlakunya defisit terhadap DTA.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi:

Jadual Manfaat

Manfaat		Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D
Had Tahunan Keseluruhan – Setiap Ahli (RM)		25,000	50,000	100,000	125,000
Manfaat Pesakit Dalam dan Pembedahan Harian					
Bilik Hospital dan Makanan (RM) (maksimum 180 hari setahun)		200	200	200	200
Unit Rawatan Rapi (RM) (maksimum 90 hari setahun)		400	400	400	400
Bekalan dan Khidmat Hospital		Kos Sebenar			
Prosedur Pembedahan Harian		Kos Sebenar			
Bayaran Pembedahan		Kos Sebenar			
Bayaran Pakar Bius		Kos Sebenar			
Bayaran Bilik Bedah		Kos Sebenar			
Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (sehingga 180 hari dan 2 lawatan sehari)		Kos Sebenar			
Bayaran Ambulans		Kos Sebenar			
Bayaran Laporan Perubatan (RM) (maksimum setiap hilang upaya)		100	100	100	100
Transplan Organ (Hati, Buah Pinggang, Jantung, Paru-paru atau Sum-sum Tulang)		Kos Sebenar			
Cukai Ke Atas Perbelanjaan Layak		Kos Sebenar			
Elaun Tunai Harian (maksimum 180 hari setahun)					
Hospital Kerajaan (RM)		200	300	400	400
Hospital Swasta (RM)	Bayaran Balik	200	300	400	400
	Secara Tanpa Tunai ²	100	150	200	200

² Layak untuk Pelan Secara Tanpa Tunai sahaja

Manfaat Pesakit Luar				
Ujian Diagnostik Prahospital (dalam masa 60 hari sebelum penghospitalan)	Kos Sebenar			
Rundingan Pakar Prahospital (dalam masa 60 hari sebelum penghospitalan)	Kos Sebenar			
Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam masa 60 hari dari penghospitalan)	Kos Sebenar			
Rawatan Pesakit Luar Bagi Kemalangan Secara Kecemasan (dalam masa 24 jam dan rawatan susulan sehingga maksimum 60 hari)	Kos Sebenar			
Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar (dalam masa 60 hari dari tarikh keluar)	Kos Sebenar			
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar Bulanan (Tertakluk kepada had tahunan keseluruhan)	5,000	5,000	5,000	6,000
Rawatan Kanser Pesakit Luar Bulanan (Tertakluk kepada had tahunan keseluruhan)	5,000	5,000	5,000	6,000
Manfaat Tambahan				
Ujian Pra-Operatif Untuk Covid - 19 (RM) (maksimum setiap hilang upaya)	N/A	350	350	350
Peralatan Perlindungan Diri (PPE) Untuk Covid - 19 (RM) (maksimum setiap hilang upaya)	1,500	2,500	2,500	2,500
Perbelanjaan Pengebumian akibat Kematian Kemalangan	1,000	1,000	1,000	1,000
Penolakan				
Penolakan (terpakai untuk Manfaat Pesakit Dalam dan Pembedahan Harian sahaja) (RM)	500, dengan pilihan untuk meningkat kepada 2,500 untuk caruman yang lebih rendah			
	(setiap tahun sijil)			

Nota:

- Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Anda hendaklah memperbaharui perlindungan takaful anda setiap tahun.
- Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk keterangan penuh atas manfaat, terma dan syarat yang terdapat dalam produk ini.

4. Berapakah caruman yang perlu saya buat?

Jumlah caruman yang anda perlu buat bergantung kepada pelan dan pilihan penolakan yang anda pilih, umur dan status kesihatan anda. Caruman untuk produk ini adalah tidak dijamin dan adalah berasaskan kadar caruman yang berkuatkuasa ketika pembaharuan. Sila rujuk kepada "Helaiian Jadual Caruman MyMediKad Penjawat Awam".

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya buat?

Yuran dan caj yang perlu dibuat selain daripada caruman	Amaun
Duti Setem	RM10.00 (terpakai untuk sijil induk sahaja)
Cukai Perkhidmatan (SST)	0% daripada caruman

Yuran dan caj yang telah disertakan dalam caruman	Amaun
Yuran Wakalah	23% daripada Jumlah Caruman yang merangkumi: - Komisen – 10.0% Contoh: Jumlah Caruman RM800.00 x 10.0% = RM80.00 - Perbelanjaan pengurusan – 13% Contoh: Jumlah Caruman RM800.00 x 13% = RM104.00

Anda perlu membuat bayaran tertentu yang tertakluk kepada cukai dan levi (yang termasuk tetapi tidak terhad kepada duti setem dan cukai perkhidmatan) kerajaan Malaysia

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya berikan perhatian?

- Kepentingan pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan, pekerjaan, dan nyatakan usia dengan betul.
- Anda perlu menyatakan dengan sepenuhnya dan sebenarnya dalam borang cadangan, kesemua fakta yang anda tahu atau sepatutnya tahu, jika tidak sijil yang dikeluarkan mungkin akan dibatalkan.
- Anda mungkin diperlukan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan atau mengemukakan laporan kesihatan kepada kami bagi proses taja jamin kami.
- Kaedah Caruman** - Caruman boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit, Kad Kredit atau Pembayaran Dalam Talian (yang mana berkenaan) kepada kami.

- **Kepentingan menyimpan resit dan Terma & Syarat Penting Lain** - Sila rujuk pautan ini: <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>.
- **Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil ini kepada kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan sijil oleh anda. Caruman yang telah dibuat (tolak belanja perubatan yang ditanggung) akan dipulangkan kepada anda dengan syarat tiada tuntutan yang telah dibuat ke atas sijil.
- **Tempoh Tangguh** - Kelayakan bagi manfaat di bawah sijil ini hanya akan bermula tiga puluh (30) hari selepas Tarikh kuatkuasa sijil, kecuali bagi kecederaan akibat kemalangan yang berlaku selepas tarikh kuat kuasa sijil ini. Ini tidak terpakai selepas tahun pertama perlindungan. Walau bagaimanapun, jika caruman pembaharuan tidak dibuat dalam Tempoh Ihsan, maka Tempoh Tangguh akan terpakai sekali lagi.
- **Penukaran Sijil** - Sila hubungi kami atau rujuk ejen anda mengenai kesan penukaran sijil daripada satu pengendali takaful kepada pengendali takaful yang lain atau mengubah jenis pelan takaful kepada yang lain. Sebagai contoh, anda mungkin akan dikenakan syarat-syarat dan peraturan sijil baru atau pengendali takaful baharu.
- **Tempoh Ihsan** - Tempoh ihsan selama empat belas (14) hari dari tarikh caruman perlu dibuat dibenarkan untuk pembuatan sebarang caruman setelah tahun sijil pertama. Dalam tempoh selama empat belas (14) hari tersebut, kami akan bertanggungjawab jika pada akhir tempoh berkenaan, caruman telah dibuat. Jika sebarang caruman sijil tidak dibuat sebelum akhir tempoh ihsan, sijil ini akan dianggap telah ditamatkan pada tarikh luput sijil.
- **Bayaran Bersama Naik Taraf Bilik dan Makan** – Anda perlu membayar perbezaan kadar bilik dan makan sahaja jika anda dimasukkan ke hospital pada kadar bilik dan makan yang lebih tinggi daripada manfaat anda yang layak.
- **Tinggal di Luar Negara** - Tiada manfaat akan dibayar bagi sebarang rawatan perubatan yang diterima oleh anda di luar Malaysia, jika anda menetap atau mengembara di luar Malaysia selama lebih dari sembilan puluh (90) hari secara berturut-turut.
- **Kontrak Takaful Pengguna** - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk diri sendiri/keluarga/tanggungan, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan tersebut dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau telah berubah.
- **Kontrak Takaful Komersial** - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini untuk memberi manfaat takaful perubatan kepada pekerja dan tanggungan mereka, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau telah berubah.
- **Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan** – Anda perlu memperbaharui perlindungan takaful anda dengan membayar caruman yang perlu dibuat. Sijil ini boleh diperbaharui atas pilihan pemilik sijil sehingga berlakunya perkara berikut:
 - pada tarikh Jadual Sijil dibatalkan; atau
 - ketika anda meninggal dunia; atau
 - pada tarikh pembaharuan jika anda mencapai had umur maksimum tujuh puluh lima (75) tahun; atau
 - pada tarikh pembaharuan atau tarikh tamat tempoh caruman, yang mana lebih awal, sekiranya caruman yang diperlukan tidak dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tamat sijil.
- **Penarikan Balik Portfolio** - Kami berhak membatalkan portfolio secara keseluruhan jika kami memutuskan untuk menghentikan produk takaful ini. Pembatalan portfolio secara keseluruhan akan diberitahu melalui notis bertulis yang munasabah terlebih dahulu dengan alasan yang sah kepada pemilik sijil dan kami akan menanggung semua sijil hingga ke tarikh tamat tempoh perlindungan dalam portfolio.
- **Kelayakan:**
 - Had Umur – tiga puluh (30) hari hingga enam puluh (60) tahun, dan boleh diperbaharui sehingga tujuh puluh lima (75) tahun. Semua umur merujuk kepada umur orang yang dilindungi pada hari lahir berikutnya.
 - Anggota Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan serta ahli keluarga mereka.
- **Prosedur Tuntutan** - Pemberitahuan melalui pemberitahuan web; <https://egms.zurich.com.my/claims> atau notis bertulis hendaklah diberikan dalam tempoh 14 hari selepas kejadian berlaku
- **Penamatan Automatik:**

Takaful Anda akan tamat secara automatik pada tarikh kejadian-kejadian berikut, yang mana lebih awal:

 - (a) Pada tarikh sijil ini ditamatkan; atau
 - (b) Pada tarikh diberhentikan kerja (pemberhentian kerja aktif ahli akan dianggap sebagai penamatan pekerjaan) dengan syarat:

- i. ketika ahli secara sementara bekerja separuh masa atau tidak hadir bekerja disebabkan Sakit atau Kecederaan, penggajian akan dianggap diteruskan sehingga caruman dibuat bagi ahli Takaful berkenaan diberikan pengurangan,
- ii. seorang ahli yang diberhentikan kerja boleh diteruskan, namun tidak boleh melebihi akhir bulan sijil selepas bulan sijil bila mana pemberhentian kerja bermula;
- iii. seorang ahli yang diberi cuti bekerja yang tidak berkaitan dengan perniagaan Anda boleh diteruskan, namun tidak boleh melebihi akhir bulan sijil selepas bulan sijil bila mana cuti tersebut bermula; atau
- (c) pada tarikh penamatan keahlian (untuk persatuan, pertalian / skim); atau
- (d) apabila anda meninggal dunia; atau
- (e) pada ulang tahun sijil anda atau umur maksimum hari lahir seterusnya (seperti yang dinyatakan dalam sijil); atau
- (f) pada tarikh caruman perlu dibuat jika Anda tidak membuat caruman yang diperlukan bagi anda; atau
- (g) mana-mana tarikh lain yang anda tidak layak untuk perlindungan Takaful; atau
- (h) jika jumlah manfaat yang dibayar di bawah sijil ahli sejak ulang tahun sijil yang terakhir melebihi Had Tahunan Keseluruhan bagi tahun sijil yang berkenaan.

Penamatan sijil ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang tuntutan yang timbul dari penamatan tersebut. Pembayaran atau penerimaan sebarang caruman yang berikutan penamatan sijil ini tidak akan membentuk sebarang tuntutan tetapi pihak Kami akan mengembalikan sebarang caruman.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk senarai penuh terma dan syarat yang terdapat di dalam produk ini.

- **Penolakan** - Sijil ini tertakluk kepada amaun tetap yang Anda mesti bayar dahulu tanpa mengira jumlah Perbelanjaan Layak yang ditanggung di bawah Manfaat Pesakit Dalam dan Pembedahan Harian daripada Jadual Manfaat untuk setiap Tahun Sijil. Amaun tetap ini dirujuk sebagai amaun penolakan. Apabila Anda menuntut Perbelanjaan Layak di Hospital Swasta, amaun penolakan ini akan ditolak daripada Perbelanjaan Layak dahulu sebelum Kami membayar baki Perbelanjaan Layak tersebut. Namun, jika Anda dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia atau dalam kes Kecemasan, termasuk Kemalangan, amaun penolakan tidak akan ditolak daripada Perbelanjaan Layak yang ditanggung.

Contoh Pengiraan Tuntutan:-

Siti mempunyai sijil MyMediKad Penjawat Awam Pelan 2 dengan kami, dengan Pilihan Penolakan - RM 1,000. Dia terlibat dalam pembedahan penyakit jantung dan menanggung perbelanjaan layak berjumlah RM 34,894.53.

Kami akan membayar balik jumlah perbelanjaan yang layak yang terkumpul bagi setiap tahun sijil, yang melebihi jumlah penolakan.

Seksyen	Perbelanjaan Layak (RM)
Manfaat Pesakit Dalam & Pembedahan Harian	31,342.76
Tolak Pilihan Penolakan - RM 1,000 (terpakai untuk Manfaat Pesakit Dalam & Pembedahan Harian sahaja)	1,000.00
Perbelanjaan Layak selepas Penolakan	30,342.76
Manfaat Pesakit Luar	3,551.77
Jumlah Perbelanjaan Layak	34,894.53
MyMediKad Penjawat Awam membayar	33,894.53
Siti membayar	1,000.00

7. Apakah pengecualian utama di bawah Sijil ini?

Sijil ini tidak melindungi mana-mana penghospitalan, pembedahan atau bayaran yang disebabkan secara langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

- Penyakit Sedia Ada.
- Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan berterusan.
- Tempoh Tangguh tiga puluh (30) hari untuk semua kecuali kecederaan kemalangan.
- Pembedahan pilihan kosmetik atau plastik kecuali pembedahan pembentukan semula diperlukan untuk memulihkan fungsi selepas kemalangan yang berlaku dalam tempoh Takaful.
- Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pra-natal atau pos-natal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan, menukar jantina, disfungsi seksual termasuk impotensi, ujian atau rawatan berkaitan pensterilan dan khatan dilakukan disebabkan apa-apa sebab selain daripada penyakit atau jangkitan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk senarai penuh pengecualian yang terdapat di dalam produk ini.

8. Apakah Penyakit Sedia Ada?

Penyakit Sedia Ada bermaksud hilang upaya sedia ada yang diketahui sewajarnya oleh anda. Anda dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:

- (a) Anda telah atau sedang menerima rawatan; atau
- (b) Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan; atau
- (c) Gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata, atau
- (d) Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.

9. Apakah Penyakit Tertentu?

Penyakit Tertentu hendaklah bermaksud hilang upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang wujud dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan:

- (a) Hipertensi, Diabetes Melitus dan penyakit Kardiovaskular.
- (b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem billari.
- (c) Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak.
- (d) Hernia, Hemoroid, Fistula, Hidrosele, Varikosele.
- (e) Endometriosis termasuk penyakit sistem pembiakan.
- (f) Gangguan spina vertebro (termasuk diska) dan penyakit lutut.

10. Bolehkah saya membatalkan Sijil ini?

Anda boleh membatalkan sijil ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami, dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tahun sijil semasa. Setelah pembatalan, anda layak untuk menerima pulangan balik caruman seperti yang dicatatkan di jadual di bawah:

Tempoh Tidak Boleh Melebihi	Pulangan Balik Caruman Tahunan
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pulangan balik

11. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran maklumat / peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang pertukaran dalam maklumat hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh menulis kepada kami menerusi alamat di bawah atau emel kepada kami di: callcentre@zurich.com.my.

12. Dari manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful perubatan dan kesihatan, sila rujuk buku insurans info bertajuk "Takaful Perubatan dan Kesihatan" yang terdapat di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu salinan dari ejen takaful.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888

Pusat Panggilan: 1-300-888-622

Emel: callcentre@zurich.com.my

13. Jenis perlindungan takaful Perubatan dan Kesihatan lain yang disediakan:

Sila rujuk kepada ejen / perunding anda untuk jenis produk yang sama yang ditawarkan oleh kami.

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA SIJIL INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang terkandung di dalam lembaran pendedahan produk ini sah mulai 31 Mei 2025 sehingga edisi semakan dikeluarkan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Nota: Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my

